

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE
(SANDAKAN)**

TARIKH : 23 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [SANDAKAN] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah bantuan yang disediakan untuk pengendali bas awam di Sabah, seperti bas berhenti-henti dan bas mini, di mana mereka juga terpaksa beroperasi dengan mengurangkan kapasiti penumpang dan memendekkan masa operasi sepanjang pandemik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini tiada bantuan kewangan *one-off* yang disediakan khusus kepada pengusaha atau syarikat bas berhenti-henti di seluruh negara. Walau bagaimanapun, bantuan *one-off* yang disasarkan kepada individu yang tidak dapat bekerja atau kehilangan sumber pendapatan disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) disediakan kepada individu yang bekerja sebagai pemandu teksi, bas pelancongan, bas sekolah dan pemandu e-hailing.

Kepada syarikat yang tergolong di bawah syarikat perusahaan kecil dan sederhana, bantuan telah disediakan di bawah program Geran Khas Prihatin (GKP) 3.0 dan 4.0 yang telah diumumkan Kerajaan pada Mac 2021 dan Jun 2021 berjumlah RM1,500 dan RM1,000 bagi mana-mana syarikat yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan bolehlah memohon bantuan di bawah program berkenaan. Mana-mana pengusaha yang terjejas dan berkelayakkan juga boleh memohon Program Subsidi Upah yang ditawarkan oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Pada masa sama, mengambil kira cabaran yang dihadapi oleh pihak syarikat dan pemilik kenderaan di dalam keadaan semasa, Kementerian Pengangkutan (MOT) telah memberi kebenaran khas kepada semua kenderaan perkhidmatan awam, tambahan dua (2) tahun secara automatik kepada had usia maksimum untuk didaftarkan atau penggantian, tertakluk kepada kelulusan pemeriksaan PUSPAKOM kenderaan tersebut.

Ini bermakna, mana-mana kenderaan perkhidmatan pengangkutan awam yang telah mencapai had usia maksimum untuk didaftarkan pada 1 Januari 2020 sehingga 31 Disember 2021 dan perlu diganti, akan diberikan tambahan satu tahun lagi secara automatik. Dengan pemberian tambahan had usia automatik satu tahun ini, semua pengusaha dan pemilik dapat menangguhkan penggantian kenderaan terbabit untuk dua (2) tahun lagi.

SOALAN NO : 12

Rang Undang-undang (RUU) Langkah-Langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (Covid-19) 2020 yang telah diluluskan juga telah dapat membantu semua pengusaha kenderaan pengangkutan awam dan barang untuk menjana pendapatan tambahan dengan memberi kebenaran untuk menyediakan perkhidmatan lain seperti penghantaran barang/parcel sekiranya tidak membawa penumpang atau sebaliknya. Kelulusan sementara ini hanyalah untuk sepanjang tempoh PKP berkuatkuasa dan bertujuan mewujudkan ruang-ruang tambahan kepada pemandu terlibat untuk mendapatkan pendapatan mereka.

Kerajaan juga telah meneruskan inisiatif pemberian *Interim Stage Bus Support Fund* (ISBSF) di Sabah untuk tahun 2021 dan 2022 bagi pengendali sedia ada yang terlibat dalam program ini. Di bawah inisiatif ini kerajaan akan menanggung kerugian kos operasi pengendali bas berhenti-henti sedia ada bagi memastikan perkhidmatan kekal disediakan untuk kemudahan rakyat.

Perkhidmatan pengangkutan awam terutama perkhidmatan bas berhenti-henti dan bas mini masih terus beroperasi sepanjang tempoh PKP di Sabah walaupun terpaksa mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negera (MKN) iaitu dengan mengurangkan kapasiti penumpang.